

Banyak persiapan rosak ditenggelami air

Raya dalam banjir

Kosmo 29/10/2006

FOKUS

SEBAK jiwa melihat rumah yang diharapkan menjadi penyeri bagi menyambut kedatangan Aidilfitri ditenggelami banjir.

Syawal kali ini juga menyaksikan tiada acara kutip duit raya oleh anak-anak apabila hujan mencurah-curah beberapa hari sebelum 1 Syawal sehingga ke pagi Aidilfitri.

Lebih memilukan sambutan tahun ini terpaksa diraikan dengan belas ihsan ahli keluarga yang lain kerana segala persiapan tenggelam bersama curahan air hujan.

Begitulah cerita duka sambutan Aidilfitri bagi penduduk sekitar Cherok Tok'kun, Bukit Mertajam, Pulau Pinang yang ditemui KOSMO! Ahad baru-baru ini.

Salah seorang penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Yusuf, memberitahu Aidilfitri tahun ini adalah yang paling hambar dalam hidupnya.

"Walaupun banjir tak seteruk mana, tapi cukup memusnahkan kegembira-

an serta segala persiapan Hari Raya," katanya yang cuma beraya secara ala kadar di rumahnya.

Halaman rumah yang dinaiki air serta dinding bertompok selut membuatkan Yusof tawar hati untuk beraya serta menjemput rakan taulan datang berkunjung.

"Acara membakar lemang yang setiap tahun dibuat terpaksa dibatalkan kerana air naik. Batang-batang buluh yang sedia untuk memasak lemang turut dimasuki air," ujarinya.

Menurutnya, mereka sekeluarga hampir-hampir beraya di rumah saudaranya di Perak, mujurlah banjir surut dua hari sebelum 1 Syawal.

"Kujih raya, ketupat dan lemang yang ada pun saudara yang bagi serta beli. Kalau tidak, langsung tak ada apa-apa," ujarinya.

Seorang lagi penduduk

yang hanya mahu dikenali sebagai Haryati berkata, dia sedih melihat anak-anaknya beraya dalam keadaan 'basah'.

"Saya beraya di rumah emak di Seberang Jaya dekat Perai kerana kasihan-kan anak-anak saya," jelasnya yang terpaksa mengeluarkan belanja lebih untuk membeli payung.

Menurutnya, kawasan kampung itu memang agak rendah namun dia tidak menyangka banjir akan berlaku apatah lagi menjelang 1 Syawal.

"Mujur saya mengikuti ramalan cuaca dan itu sedikit sebanyak menyelamatkan persiapan Hari Raya kami sekeluarga," katanya resah dengan hujan yang masih tidak berhenti.

Bagaimanapun, mereka tetap bersyukur meskipun raya yang disambut diiringi limpahan hujan.

"Paling penting kami tetap berkumpul bersama-sama dan meraikan Aidilfitri walaupun terpaksa meredah hujan dan menumpang di rumah saudara," katanya.



BAGI penduduk di beberapa kawasan di negeri utara Semenanjung, Aidilfitri tetap diraikan walaupun terpaksa menyambut tetamu dalam keadaan banjir. – Gambar hiasan